



PANDUAN PEMASANGAN STESEN DALAM SISTEM PENGETAHUAN MODULAR

Edisi Pertama

Ainul Azniza Ahmad Zaini
Rosmawati Jalal
Philips Dharmaraj

Edisi Pertama
Cetakan Pertama 2023
@ Politeknik Merlimau, 2023

Hakcipta Terpelihara

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar dalam apa-apa bentuk atau dengan alat apa jua pun kecuali setelah mendapat kebenaran daripada penerbit.

Penulis

Ainul Azniza Binti Ahmad Zaini
Rosmawati Binti Jalal
Philips Dharmaraj

Diterbitkan oleh:

Politeknik Merlimau
Karung Berkunci 1031,
Pejabat Pos Merlimau,
77300 Merlimau Melaka.
Tel : 06-2636687
Fax : 06-2636678

Dicetak oleh:

Khidmat Jaya Ent Sdn Bhd (1255462-V)
24, Jalan Kerambit 5,
Bandar Baru Sungai Udang,
76300 Melaka.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

eISBN 978-967-2762-55-3

PRAKATA

Buku ini ditulis untuk memberi panduan dalam pemasangan stesen bagi sistem pengeluaran modular kepada para pelajar di dalam bidang kejuruteraan mekatronik, khususnya di politeknik dan institusi kejuruteraan yang lain. Buku ini ditulis dalam bahasa yang mudah difahami dengan kandungan tujuh bab yang disusun secara sistematik bagi membolehkan pembaca mendapat pengetahuan melalui buku panduan pemasangan stesen dalam sistem pengeluaran modular ini.

Bab 1 menfokuskan pada pengenalan stesen penyusunan iaitu peralatan automatik yang digunakan untuk menyusun jenis bahan kerja yang berbeza pada tiga slaid berbeza. Bab 2 pula membincangkan tentang prosedur atau langkah keselamatan yang perlu diambil kira dalam melakukan pemasangan stesen sistem pengeluaran modular. Teknologi kawalan automatik memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengeluaran yang banyak dalam industri dan salah satu cara teknologi kawalan yang penting adalah melalui programmable logic control (PLC) ini dibincangkan di dalam bab 3. Bab 4 pula menerangkan tentang peralatan dan komponen yang terlibat dalam pemasangan stesen sistem pengeluaran modular. Bab 5 pula menunjukkan langkah pemasangan modul mengikut kaedah yang betul. Manakala Bab 6 membincangkan tentang pengujian dan pemeriksaan masukan/keluaran dengan menggunakan kotak simulasi (konsol) dan Bab 7 merupakan bab yang terakhir yang akan membincangkan kaedah pengaturcaraan menggunakan fungsi asas aplikasi program FPWIN Pro.

semoga buku ini dapat memberi manfaat dalam semua aspek kepada pembaca amnya dan pelajar khususnya. kami mengalu-alukan komen yang membina pada buku itu dan akan berterima kasih atas sebarang cadangan untuk penambahbaikan selanjutnya. Maklum balas boleh dihantar kepada kami melalui email ainulazniza@pmm.edu.my atau rosmawati@ptsn.edu.my

*Ainul Azniza
Rosmawati
Philip Dharmaraj*

ISI KANDUNGAN

BAB 1	PENGENALAN	
1.0	Pengenalan	1
1.1	Stesen Kerja	1
1.2	Memasang Plat Profil dan Konsol Kawalan	2
1.3	Penyambungan Kabel	2
1.4	Bekalan Kuasa	3
1.5	Langkah-Langkah Bagi Memulakan Stesen Turutan/Jujukan (Alignment)	3
1.6	Huraian Berkenaan Prosedur Turutan/Jujukan.	4
BAB 2	PROSEDUR KESELAMATAN	
2.0	Prosedur Keselamatan	6
2.1	Umum	6
2.2	Keselamatan Mekanikal	6
2.3	Keselamatan Elektrik	6
2.4	Keselamatan Pneumatik	7
BAB 3	ASAS PROGRAMMABLE LOGIC CONTROL	
3.0	Asas PLC	9
3.1	Pengenalan	9
3.2	Kelebihan penggunaan PLC dalam operasi kawalan	9
3.3	Fungsi Programmable Logic Control	9
3.4	Kebolehan PLC	10
3.5	Jenis-jenis PLC	11
3.6	Bahagian-bahagian PLC	11
BAB 4	KOMPONEN MODULAR	
4.0	Komponen Modular	15
4.1	PLC - Panasonic FPX-C60R	15

4.2	Terminal Injap CP	16
4.3	Pengehad Arus Mula (Starting Current Limiter)	16
4.4	Terminal I/O (SysLink)	17
4.5	Silinder Padat (ADVU-16-10-P-A)	18
4.6	Penderia Optik (SOEG-RT.4)	19
4.7	Penderia Kehampiran Induktif (SIEN)	20
4.8	Penderia Pemantul Retro	21
4.9	Modul Penghantar 350 Dengan Motor DC	22
BAB 5	PEMASANGAN MODUL	
5.0	Pemasangan Modul	23
5.1	Perhimpunan Perkakasan	24
5.2	Pemasangan Komponen Mekanikal	26
5.3	Pemasangan Penghantar (Conveyor)	28
5.4	Pendawaian Elektrik	40
5.5	Mengenalpasti Penderia	41
5.6	Pendawaian Peranti Masukan	42
5.7	Pendawaian Peranti Keluaran	44
5.8	Sambungan Pneumatik	48
BAB 6	PENGUJIAN	
6.0	Pengujian dan pemeriksaan	51
6.1	Dua Mod Aplikasi	51
6.2	Menyemak Keluaran	55
BAB 7	PENGATURCARAAN	
7.0	Pengaturcaraan	57
7.1	Fungsi Asas Aplikasi Program FPWIN Pro	57
7.2	Navigator	58

7.3	Menu Objek/ Tindakan Baru	58
7.4	Menu Operator	59
7.5	<i>Toolbar</i>	60
7.6	Arahan Dan Dialog Pemboleh Ubah	60
7.7	Tinjauan Untuk Kod Pengaturcaraan masukan, keluaran Bagi Stesen Pengisihan (Sorting) MPS	61
7.8	Kod Pengaturcaraan Boleh Ubah (Kegunaan Biasa)	64
7.9	Contoh Pengaturcaraan Mudah	64
7.10	Penetapan Sensor Untuk Pengesanan Dan Kenalpasti Masa	65
7.11	Mengisyiharkan Kerja Untuk Menyusun Dalam Slaid Mengikut Urutan.	67
7.12	Menetapkan Relay Gegelung Untuk Setiap Tempat Kerja	68
7.13	Pengaturcaraan Flipflop (Merah, Kuning, Hijau)	70
7.14	Membuat Lampu Merah Berkedip	70
7.15	Membuat "Lompat" & "Label"	71
7.16	Menetapkan Bahan Kerja Di Slaid	72
7.17	Apabila Slide 1 & Slide 2 Dah Penuh	72
7.18	Untuk Menetapkan Langkah Akhir	73
	RUJUKAN	74

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pengenalan


Stesen Penyusunan ialah peralatan automatik yang digunakan untuk menyusun jenis bahan kerja yang berbeza pada tiga slaid berbeza. Bahan kerja yang diletakkan pada permulaan penghantar (*conveyor*) dan seterusnya dikesan oleh penderia (*sensor*) fotoelektrik. Bahan kerja dihentikan oleh penahanan (*stopper*) pneumatik untuk menentukan ciri-cirinya. Penderia (*sensor*) dalam modul pengesanan adalah bagi mengenal pasti jenis bahan sama ada logam atau bukan logam serta mengenal pasti warna bahan samada hitam atau merah.

Bahan kerja kemudiannya di susun pada slaid yang sesuai dengan menggunakan pemesong (*deflector*) yang dikendalikan secara elektrik. Penderia (*sensor*) fotoelektrik digunakan untuk mengesan objek berdasarkan berbagai sifat optik. Penderia (*sensor*) dapat mengesan gangguan pada cahaya yang dipantulkan, dan memutuskan apakah ada objek atau tidak.

1.1 Stesen Kerja


- Stesen Sistem Pengeluaran Modular yang dipasang dan diselaraskan
- Konsol kawalan
- Papan PLC dengan 16 masukan dan keluaran digital
- Unit bekalan kuasa: 24 V DC, 4.5 A
- Bekalan udara termampat: 600 kPa (6 bar)
- Komputer dengan perisian pengaturcaraan PLC
- Dua kabel masukan/keluaran I/O (SysLink)

1.2 Memasang Plat Profil dan Konsol Kawalan



Rajah 1.1: Plat profil dan konsol kawalan

1.3 Penyambungan Kabel



Rajah 1.2: Penyambungan kabel pada plat profil dan konsol kawalan

i. Papan PLC ke stesen

Jika modul plug sistem *SysLink* 19" digunakan: sambungkan soket A ke soket *SysLink* pada antara muka C menggunakan kabel *SysLink*, atau soket *SysLink* pada terminal I/O digital stesen.

ii. Papan PLC untuk mengawal konsol

Jika modul plug sistem *SysLink* 19" digunakan: dengan menggunakan kabel *SysLink*, sambungkan soket B ke soket *SysLink* pada konsol kawalan.

iii. Papan PLC ke unit bekalan kuasa

Masukkan plug keselamatan 4 mm ke dalam soket pada unit bekalan kuasa.

iv. PC ke PLC

Sambungkan PC ke PLC melalui kabel pengaturcaraan.

1.4 Bekalan Kuasa

Stesen-stesen dibekalkan dengan kuasa elektrik daripada unit bekalan kuasa dengan voltan keluaran 24 V DC (maksimum 5 A). Seluruh stesen dibekalkan dengan kuasa elektrik daripada rak PLC.

1.5 Langkah-Langkah Bagi Memulakan Stesen Turutan/Jujukan (*Alignment*)

- i. Periksa bekalan kuasa dan bekalan udara termampat.
- ii. Sebelum penjajaran (*alignment*) dibuat, keluarkan bahan kerja secara manual daripada titik pemindahan modul dan stesen.
- iii. Bagi menjalankan prosedur penjajaran. Prosedur penjajaran ini akan digesa oleh kekunci ***ALIGN*** yang berkelip dan dijalankan selepas kekunci ditekan.
- iv. Seterusnya, letakkan bahan kerja pada tempat permulaan penghantar (*conveyor*).
- v. Mulakan pada stesen turutan/jujukan secara berperingkat. Permulaan operasi digesa oleh kekunci ***START*** yang bercahaya dan dijalankan selepas kekunci ditekan.

Nota

- Operasi turutan/jujukan (*alignment*) boleh dihentikan pada bila-bila masa dengan menekan butang henti kecemasan atau kekunci **STOP**.
- Anda boleh memilih sama ada kitaran berterusan (**AUTO**) atau secara kitaran tunggal (**MAN**) dengan bantuan suis kekunci **AUTO/MAN**.
- Perkara berikut terpakai apabila beberapa stesen digabungkan: Stesen individu dijajarkan mengikut susunan bertentangan dengan arah aliran bahan.
- Apabila 6 bahan kerja berada pada slaid, lampu penunjuk **SLIDE FULL** menyala. Keluarkan bahan kerja. Seterusnya tekan kekunci **START**.

1.6 Huraian Berkenaan Prosedur Turutan/Jujukan.**i. Prasyarat permulaan**

Pastikan bahan kerja pada permulaan tali sawat penghantar (*conveyor*).

ii. Set Permulaan

- Motor penghantar dimatikan
- Penahan hadapan (*Stopper advanced*)
- Pemesong 1 ditarik balik. (*Deflector 1 retracted*)
- Pemesong 2 ditarik balik (*Deflector 2 retracted*)
- Slaid tidak penuh

iii. Turutan

- Bahan kerja dikesan pada permulaan tali sawat penghantar (*conveyor*).
- Motor penghantar dihidupkan.
- Pengesanan warna/bahan.

iv. Bahan kerja hitam dikesan, disimpan pada slaid di hujung tali sawat penghantar

- Penahan (*stopper*) ditarik balik
- Bahan kerja disusun
- Langkah terbiar (*idle step*)

v. **Bahan kerja logam dikesan, disimpan pada slaid di tengah tali sawat penghantar.**

- Pemesong 2 dipanjangkan (*Extend deflector 2*)
- Penahan ditarik balik (*Retract stopper*)
- Bahan kerja disusun
- Pemesong 2 ditarik balik (*Retract deflector 2*)

vi. **Bahan kerja merah dikesan, disimpan pada slaid pada permulaan tali sawat penghantar**

- Pemesong 1 dipanjangkan (*Extend deflector 1*)
- Penahan ditarik balik (*Retract stopper*)
- Bahan kerja disusun
- Pemesong 1 ditarik balik (*Retract deflector 1*)
- Motor penghantar dimatikan.

BAB 2

PROSEDUR KESELAMATAN

2.0 Prosedur Keselamatan

2.1 Umum

- i. Pelatih atau pelajar hendaklah mengendalikan litar dan mesin semasa di bawah penyeliaan seorang pengajar.
- ii. Komponen elektrik (contoh unit bekalan kuasa, pemampat dan unit kuasa hidraulik) hanya boleh dikendalikan di bilik latihan yang dilengkapi dengan peranti arus sisa (*Residual current devices-RCD*).
- iii. Patuhi spesifikasi yang disertakan dalam data teknikal untuk komponen individu, dan khususnya semua arahan keselamatan.
- iv. Semasa mengendalikan mesin, pastikan persekitaran dalam keadaan baik.
- v. Gunakan peralatan keselamatan diri (contoh cermin mata keselamatan dan kasut keselamatan) semasa mengendalikan litar atau mesin.

2.2 Keselamatan Mekanikal

- i. Matikan bekalan kuasa
 - Matikan suis kawalan kuasa sebelum membuat penyambungan litar, ini adalah bagi memastikan tiada berlaku sebarang litar pintas dan merosakkan komponen utama.
- ii. Pasang semua komponen dengan keadaan betul pada plat profil berslot.
- iii. Pastikan suis had tidak digerakkan dari hadapan.
- iv. Risiko kecederaan semasa melakukan pencarisilapan (*troubleshooting*). Gunakan alat untuk menggerakkan suis had, contohnya pemutar skru.
- v. Sediakan semua komponen supaya pengaktifan suis dan pemutus tidak menjadi sukar.
- vi. Ikut arahan mengenai kedudukan komponen yang betul.

2.3 Keselamatan Elektrik

- i. Putuskan sambungan daripada semua sumber kuasa elektrik. Tutup semua sumber kuasa elektrik jika berlaku litar pintas semasa mengendalikan mesin.
 - Sila ambil perhatian bahawa tenaga elektrik mungkin disimpan dalam komponen individu. Maklumat lanjut tentang isu ini tersedia dalam helaian data dan arahan pengendalian yang disertakan bersama komponen.
- ii. Gunakan voltan lebih rendah sahaja: maksimum adalah 24 V DC.

- iii. Mewujudkan dan memutuskan sambungan elektrik.
 - Sambungan elektrik hanya boleh diwujudkan jika tiada voltan.
 - Sambungan elektrik hanya boleh diputuskan jika tiada voltan.
- iv. Beban arus maksimum yang dibenarkan untuk kabel dan peranti tidak boleh melebihi had yang ditetapkan.
 - Sentiasa membuat perbandingan kadar yang ditetapkan pada peranti, kabel dan fius.
 - Sekiranya ini tidak sama, gunakan fius hulu (*upstream fuse*) yang berasingan untuk menyediakan perlindungan arus lebih yang sesuai.
- v. Gunakan hanya kabel penyambung pada plug keselamatan yang selamat semasa membuat penyambungan elektrik.
- vi. Semasa membuat penyambungan kabel, pastikan ia tidak terkelupas atau tersepit.
- vii. Jangan letakkan kabel di atas permukaan panas.
 - Permukaan panas dikenal pasti dengan simbol amaran yang sepadan.
- viii. Pastikan kabel penyambung tidak dikenakan beban tegangan secara berterusan.
- ix. Peranti dengan terminal bumi mesti sentiasa dibumikan.
 - Jika sambungan bumi (soket makmal hijau-kuning) tersedia, ia mesti sentiasa disambungkan ke bumi pelindung. Bumi pelindung mesti sentiasa disambungkan dahulu (sebelum voltan), dan mesti sentiasa diputuskan terakhir (selepas voltan).
 - Sesetengah peranti mempunyai arus bocor yang tinggi. Peranti ini mesti dibumikan tambahan dengan konduktor bumi pelindung.
- x. Peranti tidak dilengkapi dengan fius bersepodu melainkan dinyatakan sebaliknya dalam data teknikal.
- xi. Sentiasa tarik plug apabila mencabut kabel penyambung; jangan sekali-kali menarik kabel.

2.4 Keselamatan Pneumatik.

- i. Kurangkan tekanan sistem.
 - Matikan bekalan udara termampat sebelum mengendalikan litar.
 - Sila ambil perhatian bahawa tenaga mungkin disimpan dalam takungan tekanan. Maklumat lanjut tentang isu ini tersedia dalam helaian data dan arahan pengendalian yang disertakan bersama komponen tersebut.

- ii. Jangan guna melebihi tekanan maksimum yang dibenarkan iaitu 600 kPa (6 bar).
- iii. Jangan hidupkan udara termampat sehingga semua sambungan tiub selesai dan diikat.
- iv. Jangan putuskan sambungan tiub semasa di bawah tekanan.
- v. Jangan cuba menyambungkan tiub atau tekan penyambung dengan tangan atau jari.
- vi. Risiko kecederaan apabila menghidupkan udara termampat! Silinder boleh menarik balik secara automatik.
- vii. Risiko kemalangan akibat silinder
 - Sentiasa letakkan silinder pneumatik supaya ruang kerja omboh tidak terhalang pada keseluruhan julat lejang.
- viii. Pastikan rod omboh tidak boleh berlanggar dengan mana-mana komponen.
- ix. Risiko kemalangan akibat tiub tergelincir
 - Gunakan sambungan tiub yang sesingkat mungkin.
 - Sekiranya tiub tergelincir, matikan bekalan udara termampat serta-merta.
- x. Persediaan litar pneumatik, sambungkan peranti dengan tiub plastik dengan diameter luar 4 atau 6 mm. Tolak tiub ke dalam penyambung dan tekan masuk sejauh mana ia akan pergi.
- xi. Matikan bekalan udara termampat sebelum membuka litar.
- xii. Bagi membuka litar pneumatik, tekan gelang pelepas biru ke bawah supaya tiub boleh ditarik keluar.
- xiii. Bunyi bising akibat keluar dari udara termampat:
 - Bunyi yang disebabkan oleh keluarnya udara termampat boleh merosakkan pendengaran. Kurangkan bunyi dengan menggunakan pelindung pendengaran jika bunyi bising tidak dapat dielakkan.
 - Semua port ekzos komponen yang termasuk dalam set peralatan dilengkapi dengan alat penyenyap.

BAB 3

ASAS PLC

3.0 Asas Programmable Logic Control (PLC)

3.1 Pengenalan

Teknologi kawalan automatik memainkan peranan yang sangat penting dalam proses pengeluaran yang banyak dalam industri masa kini. Teknologi kawalan yang baik dapat menjimatkan kos pengeluaran tenaga kerja dan pengeluaran barang yang bermutu tinggi dengan pantas. Salah satu cara teknologi kawalan yang penting adalah melalui *programmable logic control* (PLC).

Sebelum revolusi industri bermula, semua proses pembuatan adalah dilakukan secara manual. Dengan bermulanya revolusi industri pada awal 1960 kebanyakan proses ini dijalankan oleh mesin dengan bantuan alat kawalan elektromekanikal sebagai contoh geganti (*relay*), pemasu (*timer*) dan pembilang (*counter*).

3.2 Kelebihan penggunaan PLC dalam operasi kawalan

- i. Cara program yang mudah.
- ii. Program boleh diubah suai tanpa mengganggu sistem kerja seperti tidak perlu sambungan wayar (*hardware*)
- iii. PLC adalah kecil, murah dan lebih sesuai dari sistem geganti (*relay*)
- iv. Kos penyelenggaraan yang murah dah dan mudah.

PLC adalah proses kawalan teknologi yang dapat disesuaikan untuk pelbagai sistem. Melalui PLC proses masukan/keluaran hanya terdapat dalam dua keadaan iaitu (0 dan 1) atau (HIDUP dan MATI). Keadaan ini dapat dikira secara matematik dengan menggunakan kaedah bentuk Boolean Algebra.

Isyarat untuk PLC boleh didapati secara berikut:

- i. Binari- Isyarat yang kenal hanya output 1 atau 0.
- ii. Digital- Isyarat yang ditentukan oleh rangka nilai yang tertentu.
- iii. Analog- Iaitu logik 0 pada nilai 3V hingga 5V manakala logik 1 pada nilai -11V hingga 30V.


3.3 Fungsi Programmable Logic Control

Sistem operasi elektronik secara digital direka untuk kegunaan industri yang menggunakan sistem ingatan boleh aturcara (*programmable memory system*) yang boleh

disimpan dan digunakan untuk melakukan fungsi tertentu seperti logik, urutan (*sequencing*), masa (*timing*), mengira (*counting*) dan aritmetik, untuk kawalan melalui keluaran digital dan analog pada pelbagai jenis mesin atau proses.

Secara ringkasnya, PLC adalah sejenis komputer yang direka khas untuk melakukan kerja dan memproses kawalan automasi tertentu seperti membaca logik, menentu masa dan mengira. Menukar isyarat masukan ke bahasa program komputer dan sebaliknya.

PLC mempunyai mikrokomputer dalam CPUnya yang terbahagi kepada beberapa bahagian asas untuk memproses kerja tertentu iaitu:



Rajah 3.1: Pengawal Logik Boleh Aturcara

3.4 Kebolehan PLC

- i. *Logic Control*: Operasi yang biasanya dilakukan oleh geganti, suis dan peralatan elektromekanikal.
- ii. *Timing*: Membolehkan proses pada sesuatu operasi di perlakukan (*delay*).
- iii. *Counting*: Membolehkan proses pada sesuatu operasi dikira.
- iv. *Process Control*: Dengan menggunakan analog masukan dan keluaran bagi memproses isyarat alat.
- v. *Data Handling*: Proses yang berkaitan dengan pengiraan dan permindahan data

- vi. *Sequencing*: Membolehkan proses pada sesuatu operasi diaturkan mengikut peringkat yang diperlukan.
- vii. *Supervisory control*: Proses yang melibatkan rangkaian diantara PLC dengan PLC dan penghantaran data melalui rangkaian PLC.

3.5 Jenis-jenis PLC

Jenis-jenis PLC bergantung kepada bagaimana *Central Processing Unitnya* – CPU pada modul dipasang masukan/keluarannya samada sekali atau berasingan pemasangannya. Pada amnya terdapat dua jenis PLC:

- i. Compact PLC – dimana modul masukan serta unit pengawal berada didalam satu rumah.
- ii. Modular PLC – dimana modul masukan/keluarannya dipasang secara berasingan dari CPU. Modul masukan/keluaran tersebut dipasang atas rak (*backplane*) dan boleh ditukar ganti dengan modul tertentu jika dikehendaki. Setiap satu modul tersebut disambung antara satu sama lain melalui Sistem Bus

3.6 Bahagian-bahagian PLC

PLC mempunyai 5 bahagian iaitu:

i. Bahagian Masukan

Keupayaan sesebuah PLC adalah diambil kira mengikut jumlah titik/pin masukan yang ada, sebagai contoh OMRON CPM1A mempunyai 8 modul masukan dan kebanyakkan PLC mempunyai masukan yang boleh ditambah, dimana isyarat signal dari suis atau disalurkan melalui titik/pin masukan. Isyarat masukan yang disalurkan adalah dalam bentuk digital pada nilai 0 dan 1 yang mempunyai voltan 24VDC, 100VAC dan 240VAC ini adalah bergantung pada model PLC tersebut sebagai contoh Moeller PS-141 mempunyai 24VDC masukan dan Moeller PS-151 menggunakan 240VAC sebagai voltan kawalan.

ii. Bahagian Keluaran

Modul keluaran juga diambil kira bagi keupayaan sesebuah PLC

iii. Unit Pemprosesan Pusat (*Central Processing Unit –CPU*)

CPU terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu Pemproses (*Processor*), Bekalan Kuasa (*Power Supply*) dan Ingatan (*Memory*). Rajah dibawah menunjukkan

binaan ringkas CPU. Binaan CPU mungkin berbeza mengikut jenama yang berlainan. Pada amnya, kebanyakkan CPU adalah sama ianya adalah berdasarkan kepada struktur binaan yang sama. Pada kebiasaanya mengatakan bahawa CPU itu pemproses (*processor*). Pada dasarnya adalah sama tetapi CPU merupakan gabungan daripada elemen bagi membolehkan sesebuah sistem itu boleh menjadi bijak. CPU sentiasa berhubung dengan sistem memori bagi menterjemahkan dan melaksanakan aplikasi bagi mengawal sesebuah memori mesin bagi menterjemahkan dan melaksanakan aplikasi bagi mengawal sesebuah mesin atau proses. Bekalan kuasa pula membekalkan kuasa pada bahagian yang memerlukannya. Ini membolehkan pemproses (*processor*) dan sistem memori dapat beroperasi dengan lancar.

Pemproses (*Processor*) adalah kebolehan sesebuah PLC yang bergantung kepada kebijaksanaan pemproses processor itu berfungsi. Pemproses membolehkan PLC berfungsi didalam Operasi matematik, pengendalian data (*data handling*) dan kebolehan mengenalpasti kerosakan dimana ianya tidak boleh dilakukan oleh geganti atau sistem kovensional.

Prinsip asas bagi pemproses adalah mengarahkan dan mentadbir keseluruhan sistem. Ini boleh dilakukan dengan menterjemah dan melaksanakan sesebuah program sistem. Proses ini dinamakan Pelaksana (*Executive*).

iv. Ingatan (*Memory*)

Memori adalah bahagian PLC dimana segala program ditulis dan disimpan tanpa hilang dan boleh diambil pada bila-bila masa diperlukan. Memori itu juga mesti ditulis dan dipadam apabila hendak diubahsuai pada program tersebut.

Oleh itu, segala ubahsuai hasil kerja atau proses hanya perlu di buat pada memori PLC tanpa perlu diubahsuai komponen lain atau membuat sambungan wayar antara sistem masukan dan keluaran.

a. RAM- *Random Access Memory*

RAM ialah dimana program ditulis dan boleh dibaca, Program tersebut boleh diubahsuai jika perlu mengikut kehendak proses kerja. Suatu perkara yang tidak baik tentang RAM ialah jika berlaku kuasa elektrik terputus segala

data program yang dibuat ketika itu akan hilang atau terpadam secara serta merta. Oleh itu, untuk mengelak terjadinya perkara tersebut adalah dengan menyediakan bateri tambahan atau penumpuk (*accumulator*).

b. EPROM – *Erasable Programmable Read only Memory*

EPROM digunakan untuk menulis dan menyimpan program. Berbeza dengan RAM dimana EPROM data memori tidak akan hilang jika berlaku tenaga elektrik putus. EPROM boleh di program semula jika segala program yang ada di padam dengan menggunakan ultra- violet (UV) *light source*. EPROM boleh diklasifikasikan sebagai *semi permanent storage device*.

EPROM menghasilkan tempat simpanan data yang cekap. Kebanyakkan pembuat peralatan tulin (OEM) menggunakan jenis memori EPROM, ini adalah kerana EPROM membolehkan data disimpan secara kekal didalam mesin setelah ianya di pastikan berfungsi dan mesin yang dihasilkan tidak memerlukan pengubahsuaian.

c. EEPROM – *Electrically Erasable Programmable Read Only Memory*

EEPROM adalah jenis Litar Bersepadu (*Integrated Circuit-IC*) iaitu tempat simpanan data program yang tetap. Data program boleh dipadam dan diubahsuai secara elektrik dengan alat seperti unit program manual.

Secara praktisnya, RAM biasanya digunakan sewaktu fasa perisian dan penjayaan sesbuah mesin. Selepas siap fasa tersebut barulah data program dipindahkan ke EPROM.

v. Peralatan Perisian

Data perisian yang hendak disimpan pada memori perlu ditulis dan dimasukkan ke dalam PLC. Terdapat berbagai cara untuk melakukan perkara tersebut seperti:

a. Melalui komputer peribadi – PC

Perisian PLC perlu dimasukkan terlebih dahulu kedalam komputer untuk membolehkan komputer berinteraksi dengan sistem PLC yang

digunakan. Selepas itu barulah data pengaturcaraan *programming* boleh ditaipkan ke dalam komputer

b. Hand Held Programming Console


Ia merupakan satu panel kecil dimana terdapat segala catitan informasi bahasa perisian serta data perisian jenis tangga (*ladder*).

BAB 4

KOMPONEN MODULAR

4.0 Komponen Modular

4.1 Programmable Logic Control (PLC) - Panasonic FPX-C60R



Rajah 4.1 PLC – PANASONIC FPX-C60R

Data:

- i. Bekalan kuasa 100V hingga 240V AC.
- ii. 32 masukan.
- iii. 28 geganti keluaran.
- iv. Menggunakan terminal skru sebagai sambungan.
- v. Komputer peribadi boleh disambungkan secara terus dengan kabel USB
- vi. Menggunakan port Alat (RS232C) yang disediakan sebagai ciri standard pada unit utama, komunikasi boleh dijalankan dengan panel paparan atau komputer.

Kelebihan:

- i. Pemprosesan berkelajuan tinggi ultra.
- ii. Kapasiti program yang besar.
- iii. Keselamatan tinggi (Dengan kata laluan 8 digit).
- iv. 3 liang (*port*) komunikasi bersiri boleh digunakan secara serentak.

Port USB:

- i. Sambungan terus yang mudah dengan PC melalui kabel USB komersial (jenis AB).
- ii. Kaset fungsi ingatan induk menjadikan pemindahan program lebih mudah.

4.2 Terminal Injap CP



Rajah 4.2 Terminal injap CP

Kelebihan:

- i. Reka bentuk padu untuk prestasi luar biasa dan ringan.
- ii. Ideal bagi struktur sistem, contohnya:
 - Dalam pengendalian teknologi.
 - Dalam teknologi penghantaran.
 - Dalam industri pembungkusan.
 - Dalam sistem turutan.
 - Dalam fungsi mesin huluan.

4.3 Penghad Arus Mula (*Starting Current Limiter*)




Rajah 4.3 Penghad arus mula

Data:

- i. Voltan kawalan DC 24V.
- ii. Arus 1A.
- iii. 2A arus maksimum.
- iv. 50ms Maksimum had.
- v. 1/s Maksimum frekuensi bertukar.

Kelebihan:

- i. Mengandungi geganti dan litar penghad arus.
- ii. Ia boleh dipasang pada rel DIN.
- iii. Sambungan elektrik adalah melalui terminal skru.

4.4 Terminal I/O (SysLink)

Rajah 4.4 Terminal I/O (SysLink)

Data:


- i. 8 terminal masukan dan 8 terminal keluaran.
- ii. Terminal sambungan untuk 8 masukan dan 8 keluaran adalah pada penempatan asas yang sesuai.
- iii. Di samping itu, terdapat terminal agihan untuk 0 V dan 24 V untuk bekalan penderia dan penggerak.
- iv. Penempatan boleh dipasang pada rel DIN.

Operasi:

- i. Dua masukan boleh digunakan untuk menyambungkan terminal I/O bagi penderia pensuisan positif (PNP) atau pensuisan negatif (NPN).
- ii. MASUKAN penderia. KELUARAN penghantar(conveyor), injap cp (pintu 1 & pintu 2, penyumbat), menara cahaya

Kelebihan:

- i. Masukan dan keluaran digabungkan pada satu penyambung
- ii. LED dipasang pada terminal masukan dan keluaran.
- iii. Untuk menyediakan paparan ringkas keadaan litar
- iv. Untuk membolehkan pencarisilapan secara sistematik

4.5 Silinder Padat (ADVU-16-10-P-A)

Rajah 4.5 Silinder padat (ADVU-16-10-P-A)

Data:


- i. Diameter omboh (*piston*) 16 mm
- ii. Lejang (*stroke*) 10 mm
- iii. Tindakan tunggal, menolak
- iv. Pengesahan hampir

Operasi:

- i. Penderia jarak magnetik digerakkan oleh kehadiran magnet kekal.
- ii. Kehadiran medan magnet menjadikan plat nipis melentur dan bersentuhan antara satu sama lain menyebabkan sentuhan elektrik.
- iii. Permukaan plat telah terawat dengan bahan khas yang sangat sesuai untuk litar arus rendah atau induktif tinggi.

Kelebihan:

- i. Cincin kusyen boleh lentur/boleh suai adalah sebagai standard untuk menyerap tenaga sisa bagi memudahkan kelajuan tinggi dan kitaran mesin.
- ii. Mudah dipasang dengan rangkaian aksesori pelekap yang komprehensif bagi hampir setiap jenis pemasangan
- iii. Sangat boleh lentur/boleh suai kepada pelbagai variasi
- iv. Penderiaan kedudukan tanpa sentuh menggunakan penderia jarak.

4.6 Penderia Optik (SOEG-RT.4)

Rajah 4.6 Penderia optik (SOEG-RT.4)

Data:


- i. Julat penderiaan 10mm.
- ii. TIADA keluaran PNP/NPN.
- iii. 100mA Maksimum. Arus keluaran.
- iv. 10-30V DC (20%).
- v. Frekuensi pensuisan 250Hz.

Operasi:

- i. Dikesan oleh tindakan pergerakan cahaya bergerak
- ii. Cahaya yang dipancarkan oleh pemancar memfokuskan pada objek (bahan kerja) yang memantul untuk diterima oleh diod foto penerima
- iii. Cahaya dari diod pemancar difokuskan oleh kanta pemancar, pada permukaan objek (bahan kerja).

Kelebihan:

- i. Ketepatan tinggi serta prestasi, fleksibiliti dan kelajuan.
- ii. Fleksibiliti tinggi dan pembinaan yang padu.
- iii. Sangat dilindungi pada kelas IP67.
- iv. Sesuai untuk persekitaran yang kasar.

4.7 Penderia Kehampiran Induktif (SIEN)

Rajah 4.7 Penderia kehampiran induktif (SIEN)

Data:


- i. Kawasan penderiaan sehingga 15mm.
- ii. 10-30V DC.
10-300V DC.
10-250V Voltan kendalian DC.
- iii. Arus keluaran 200mA
- iv. Kabel 2.5m (PVC)
- v. Frekuensi pensuisan sehingga 2000Hz

Operasi:

- i. Apabila sekeping logam konduktif memasuki zon yang ditentukan oleh sempadan medan elektromagnet, sebahagian daripada tenaga ayunan dipindahkan ke dalam logam sasaran.
- ii. Tenaga yang dipindahkan ini kelihatan sebagai arus elektrik beredar kecil yang dipanggil arus pulsar, oleh itu ia kadangkala dipanggil penderia arus pulsar.

Kelebihan:

- i. Penderia luas
- ii. Fleksibiliti.
- iii. Penderia induktif Festo boleh beroperasi pada jarak yang lebih jauh.
- iv. Boleh merasakan logam pengalir lain seperti kuprum dan aluminium.
- v. Serbaguna.

4.8 Penderia Pemantul Retro

Rajah 4.8 Penderia pemantul-retro

Data:

- i. 10 – 700mm jarak operasi.
- ii. Bekalan kuasa DC 24V.
- iii. Sentuhan biasa terbuka/ sentuhan biasa tertutup.
- iv. Kabel sambungan 4 pin.

Operasi:

- i. Untuk mengesan kehadiran atau ketiadaan objek (bahan kerja).
- ii. Terdiri daripada pemancar dan penerima dalam satu penempatan.
- iii. Cahaya yang dihasilkan oleh pemancar dipantulkan kembali ke penerima dengan pemantul.

Kelebihan:

- i. Pemancar cahaya, atau sumber cahaya, dan penerima berada dalam kepungan yang sama.
- ii. Hanya mempunyai satu peranti untuk dipasang dan wayar menjadikan pemasangan lebih mudah dan cepat

4.9 Modul Penghantar 350 Dengan Motor DC



Rajah 4.9 Modul penghantaran 350 dengan motor DC

Data:

- i. Jarak pengangkutan 350mm.
- ii. 24V DC dan arus 1.5A.
- iii. 75 min⁻¹ Kelajuan nominal.
- iv. 4mm sambungan kabel.

Operasi:

- i. Sesuai untuk aplikasi berulang kali tanpa mengira arahnya
- ii. Beroperasi dengan menggunakan dua takal yang terus melingkar di atas bahan yang berputar di atasnya.
- iii. Tali sawat disokong oleh satu alat penggelek di sepanjang laluan.

Kelebihan:

- i. Setiap sistem berfungsi secara optimum.
- ii. Perancangan dan reka bentuk yang dipermudahkan menggunakan modul piawai.
- iii. Tahap fleksibiliti yang tinggi dalam pembuatan dan pengubahsuaian sistem.

BAB 5

PEMASANGAN MODUL

5.0 Pemasangan Modul

Pengisihan (*sorting*) ialah hiponim bagi fungsi pengendalian "mengubah kuantiti". Penghantar dilengkapi dengan cabang untuk tujuan menyusun bahan kerja. Pelbagai pemesongan ditetapkan dan ianya bergantung pada bahan kerja tersebut. Bahan kerja mesti bergerak secara individu supaya tidak mengganggu operasi pensuisan pemesongan. Stesen pengisihan (*sorting*) atau pengasingan menyusun bahan kerja mengikut bahan dan warna. Fungsi stesen adalah untuk menyusun bahan kerja mengikut ciri-cirinya. Rajah 5.1 memaparkan grafik bahagian atas stesen pengisihan (*sorting*) automatik. Setiap peranti ini bernombor dan disenaraikan di bawah.





Figure 5.1: Alatan/ komponen yang terdapat pada mesin pengisihan (*sorting*)

1. Penahan/ Stopper
2. Penderia Optik (alat boleh sedia)
3. Penderia Optik (Bukan Hitam)
4. Penderia Beraruhan
5. Tolok tekanan
6. Penderia Retro Reflektif
7. Penyaluran kabel
8. Blok pengkalan I/O
9. Pengawal motor

10. Injap silinder
11. Silinder (Gate 1)
12. Silinder (Gate 2)
13. Penghantar (*conveyor*)
14. Pemantul/*Reflektor*
15. Gelangsar (*Slide / Chute*)
16. Plat profil (*Profile Plat*)

5.1 Perhimpunan Perkakasan

Rajah 5.2 ialah paparan grafik yang digunakan untuk membantu pengguna mengenal pasti setiap *rung*, bermula dengan *Rung1* hingga *Rung 14*. Senarai cadangan komponen mengikut setiap *Rung* adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 5.1. Sementara itu Jadual 5.2 ialah senarai cadangan peranti masukan (*input*) dan keluaran (*output*) mengikut terminal dan kod.



Rajah 5.2: Kedudukan *Rung*


Jadual 5.1: Senarai cadangan komponen mengikut setiap *Rung*

Rung 1 – Penyaluran kabel (Keluaran)	Rung 8 – Pendakap penghantar
Rung 2 – Tiada	Rung 9 – Penderia Retro Reflektif & Pemantul (<i>Reflektor</i>)
Rung 3 – <i>Din Rail</i>	Rung 10 – Penguat (<i>Amplifier</i>) / <i>Tower Lamp</i>
Rung 4 – Tiada	Rung 11 – Perhimpunan gelangsar (<i>slide</i>)
Rung 5 – Penyaluran kabel (Masukan)	Rung 12 – Asas Kabel
Rung 6 – Lampu tower / Cable Base	Rung 13 – 5. Tolok tekanan (<i>Pressure Gauge</i>)
Rung 7 – Penguat (<i>Amplifier</i>) / Cable Base	Rung 14 – Asas Kabel

Jadual 5.2: Senarai cadangan peranti masukan (*input*) dan keluaran (*output*) mengikut terminal dan kod

Terminal Penyambung Input		Komponen	Terminal Penyambung Output		Komponen
Terminal	Kod		Terminal	Kod	
DI 0	X0	Alat boleh sedia	DO 0	Y0	
DI 1	X1	Penderia Beraruhan	DO 1	Y1	Motor Penghantar (Conveyor)
DI 2	X2	Penderia Optik	DO 2	Y2	Silinder penahan (stopper)
DI 3	X3	Gate 1 Silinder ditarik balik (<i>Retracted</i>)	DO 3	Y3	Gate/Cabang 1
DI 4	X4	Gate 1 silinder Dipanjangkan (<i>Extended</i>)	DO 4	Y4	Gate/cabang 2
DI 5	X5	Gate 2 Silinder ditarik balik (<i>Retracted</i>)	DO 5	Y5	Lampu Hijau
DI 6	X6	Gate 2 silinder Dipanjangkan (<i>Extended</i>)	DO 6	Y6	Lampu Kuning
DI 7	X7	Penderia Retro Reflektif	DO 7	Y7	Lampu Merah

Rajah 5.3 ialah pemasangan sebenar Stesen pengisih (*sorting*) yang dilabelkan mengikut peranti masukan dan keluaran seperti yang dinyatakan dalam Jadual 5.2.




Rajah 5.3: Stesen pengisian MPS yang lengkap disambung

5.2 Pemasangan Komponen Mekanikal


Berikut ialah panduan langkah demi langkah untuk memasang Stesen Pengisih (*sorting*) yang lengkap:

Langkah 1 - Letakkan plat profil aluminium pada troli seperti dalam Rajah 5.4.



Rajah 5.4: Pemasangan plat profil

Langkah 2 - Letakkan penyaluran kabel di Rung 1 dan Rung 5, manakala rel DIN pada Rung 3 plat aluminium seperti ditunjukkan dalam Rajah 5.5.



Rajah 5.5 : Pemasangan rel DIN dan saluran kabel

Langkah 3 - Sekarang pasangkan Blok Terminal IO, Terminal CPV dan Motor kawalan ke Rel DIN (Rajah 5.6).



Rajah 5.6: Pemasangan blok terminal

Langkah 4 - Pemasangan modul penghantar dan landasan.

Langkah 5 - Pemasangan peranti masukan dan keluaran seperti peranti pengesanan, penderia dan penggerak.

Langkah 6 - Pemasangan slaid atau gelongsor di mana setiap bahan kerja akan disimpan.

Langkah 7 - Sambungan pendawaian elektrik untuk peranti masukan dan keluaran ke terminal yang dikenal pasti dalam blok terminal.

Langkah 8 - Pemasangan tiub pneumatik ke injap, tolok tekanan dan pemampat.

Langkah 9 - Menguji dan memeriksa Stesen pengisih (*sorting*) yang siap sepenuhnya.

Langkah 10 - Pengaturcaraan asas menggunakan perisian FPWin dan pengaturcaraan *Sequential Functional Chart* (SFC).

5.3 Pemasangan Penghantar (Conveyor)

Bahagian 1 - Modul Penghantar



Rajah 5.7: Penghantar (conveyor)

Modul penghantar boleh dipasang pada plat profil, kaki profil atau bingkai pelekap berlubang. Motor DC boleh di letakkan pada kedudukan secara bebas. Modul penghantar sesuai untuk mengangkat dan mengasingkan bahan kerja dengan diameter 40 mm (contoh set bahan kerja "badan asas" atau "silinder untuk pemasangan".)

